



PEMANASAN global telah menyebabkan kawasan ais di Antartika semakin mengecil. - Gambar hiasan




PENIPISAN lapisan ozon mula dikesan sejak tahun 1979 oleh pihak pentadbiran aeronautik dan angkasa kebangsaan. - Gambar hiasan



GENUA Antartika merupakan lokasi pilihan golongan penyelidik untuk mengkaji kesan pemanasan global. - Gambar hiasan

Penyelidik Malaysia ke Antartika kaji perubahan iklim global



PERUBAHAN iklim yang menjadi perbincangan hangat dunia semakin dirasai kesannya termasuk di Malaysia.

Suhu bumi yang semakin meningkat akibat pemanasan global telah mencetuskan banyak bencana alam antaranya banjir, pembakaran hutan dan peningkatan paras laut hingga mencetuskan rasa bimbang seluruh penduduk dunia.

Untuk mengkaji perubahan iklim global, benua Antartika sering menjadi tumpuan penyelidik seluruh dunia. Terletak di hemisfera selatan, ia dianggap sebagai makmal terbuka untuk semua.

Kawasan yang tiada penempatan manusia ini menjadi tumpuan kira-kira 5,000 penyelidik seluruh dunia setiap tahun untuk menjalankan kajian bagi membongkar rahsia Antartika yang masih banyak belum diterokai.

Malaysia melalui Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Zaidul Abidin (YPAZSM) yang ditubuhkan sejak 2013 turut

tidak ketinggalan memajukan peranan aktif di Antartika dengan menghantar penyelidik-penyelidik tempatan ke sana.

Kesemua mereka akan berada di Antartika selama 22 hari dan akan bertolak dari Kuala Lumpur pada 13 Januari 2016.

Ia bertujuan untuk mengkaji tentang perubahan iklim global yang memberi kesan kepada kehidupan manusia terutamanya di Malaysia.

Penyelidikan itu dibantu oleh Dr. Mohamed Huzainy Jusoh dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang dibantu tujuh penyelidik lain iaitu Dr. Mohd. Shahrul Mohd. Nadzir dan Dr. Gob. Thian Lai (Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr. Foong Swee Yock (Universiti Sains Malaysia), Muhammad Hilal Mohd. Zaidudin dan Dr. Wan Mohd. Raufan Wan Hussin (Universiti Malaysia Terengganu), Dr. Emhennor Muizina (Universiti Malay) serta Aniqah Zaila Abdul Latif (International Medical University).



Dispedisi pertama
Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YPASM, Mohd. Nasarudin Abd. Rahman, mereka akan menuju ke Buenos Aires, Argentina sebelum memulakan perjalanan ke Antartika pada 18 Januari dengan menaiki sebuah kapal layar yang disewa khas.

"YPASM ada menandatangani perjanjian kerjasama dengan Britain selama lima tahun sehingga 2018 untuk membawa penyelidik Malaysia ke Antartika mengikut kuota yang mereka tetapkan. Bagaimanapun, ekspedisi tahun depan adalah yang pertama secara bebas bagi penyelidik Malaysia ke Antartika.

"Kos menyewa kapal layar tersebut adalah sebanyak RM37,000 seorang," katanya. Kesemua penyelidik itu akan mengkaji gas rumah hijau di Antartika yang memberi kesan kepada penipisan ozon. Pesyarah Pakulti Sains dan Teknologi, UKM, Mohd. Shahrul akan menggunakan kromatograf gas (GC) mudah alih bagi mendapatkan sampel gas yang dilepaskan di Antartika



dan membandingkannya dengan gas di Malaysia. GC telah ditempatkan di lima lokasi di dunia iaitu dua di Malaysia (Kelantan dan Sabah) manakala tiga lagi di Taiwan, Australia serta New Zealand. Menurutnya, dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang adalah tidak mustahil kawasan-kawasan kecil di tanah rendah seperti Pulau Maldives iklim ekstrem terus berlaku. "Kemampuan penyelidik akan mengkaji beberapa jenis gas di Antartika dan membandingkan dengan pangkalan data gas di Malaysia.

"Ini penting kerana Malaysia merupakan negara tropika. Menurut kajian saintifik yang telah dilakukan oleh saintis luar negara, kawasan tropika merupakan 'pintu utama' kemasukan gas reaktif ini ke lapisan atmosfera seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan suhu di kawasan Eropah, Asia malah Antartika," katanya yang juga Ketua Pusat Sistem Perubahan Iklim Tropika, Institut Perubahan Iklim UKM.

Malaysia melalui Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Zaidul Abidin (YPAZSM) yang ditubuhkan sejak 2013 turut